

UCAPAN ALUAN

YANG BERUSAHA IR HAJAH ROSNANI HAJI MAHMOD

SETIAUSAHA PERBANDARAN

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

PROGRAM PEMANDULAN DAN PENDIDIKAN HAIWAN KESAYANGAN

MPSP BERSAMA KOMUNITI DAN NGO

HARI AHAD, 30 JUN 2019, 8.30 PAGI

DI DEWAN MPKK TAMAN LUCKY BUTTERWORTH

Yang Berhormat Phee Boon Poh

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar
Merangkap ADUN Sungai Puyu

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Selamat pagi diucapkan kepada, tuan-tuan, puan-puan dan hadirin sekalian. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Phee Boon Poh , Ahli Dewan Undang Negeri Sungai Puyu yang sudi bersama kita pada pagi ini. Terima kasih juga kepada semua yang hadir pada program hari ini.

Program Pemandulan dan Pendidikan Haiwan Kesayangan ini merupakan salah satu aktiviti dibawah Seberang Perai Corporate Priorities bagi

mewujudkan persekitaran yang selamat. Program ini diadakan sebagai salah satu inisiatif MPSP dalam mewujudkan persekitaran yang selamat daripada kacau ganggu haiwan terbiar khususnya anjing. Ini merupakan program kali pertama bagi tahun 2019. Pada tahun 2018 kita telah berjaya mengatur program sebanyak tiga (3) kali di daerah SPS dan SPT. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, MPKK Taman Lucky, doktor veterinar sukarelawan, SPCA Seberang Perai dan juga Perpustakaan Desa Pulau Pinang.

Tuan – Tuan dan Puan- Puan,

Untuk makluman, isu anjing terbiar ini masih lagi menjadi isu yang kritikal dimana sehingga Mei 2019 sebanyak 1,195 aduan berkenaan anjing diterima oleh pihak MPSP. Sebagai langkah proaktif, MPSP telah menjalankan operasi tangkapan setiap hari Mei 2019, sebanyak 1,280 ekor anjing berjaya ditangkap oleh pihak MPSP. Namun begitu, operasi tangkapan ini merupakan langkah jangka pendek untuk menyelesaikan isu anjing terbiar.

Oleh yang demikian langkah jangka masa panjang untuk menangani isu ini perlu dilaksanakan dengan segera. Salah satu langkah jangka panjang yang dirangka adalah dengan mengadakan program pendidikan seperti yang bakal diatur pada 30 Jun 2019 ini.

Dua (2) aktiviti utama dalam program ini iaitu pemandulan dan juga pendidikan haiwan kesayangan. Aktiviti-aktiviti ini selari dengan objektif utama program dijalankan iaitu mengurangkan populasi anjing terbiar bagi menjamin persekitaran yang selamat. Tidak dapat dinafikan melalui penerhatian pegawai MPSP punca utama anjing terbiar meningkat adalah disebabkan sikap tidak bertanggungjawab pemilik haiwan kesayangan yang bertindak membuang haiwan peliharaan masing-masing sewenangnya apabila tidak lagi berminat berbuat demikian. Dan haiwan berkenaan kemudiannya membiak tanpa kawalan dengan bilangan yang banyak. Justeru, penting untuk mendidik masyarakat dalam pemeliharaan haiwan kesayangan dan juga memandulkan anjing peliharaan masing-masing ini supaya populasi anjing di jalanan menurun ke tahap minima yang boleh dikawal. Program pemandulan anjing yang dilaksanakan dalam program ini adalah bersifat mesra pelanggan dimana pemilik haiwan tidak perlu bersusah payah menghantar anjing ke klinik-klinik swasta untuk mendapatkan perkhidmatan pemandulan kerana perkhidmatan

pemandulan boleh diberikan terus oleh doktor yang bertauliah. Untuk program ini pihak MPSP telah menjalankan kerjasama dengan klinik veterinar swasta dan perkhidmatan diberikan pada kadar terendah berbanding pasaran iaitu RM 180.00 untuk pemandulan anjing betina dan RM 80.00 untuk pemandulan anjing jantan.

Hadirin Sekalian,

Terdapat empat (4) aktiviti pendidikan yang ditawarkan dalam program kali ini iaitu pameran, perkhidmatan vaksinasi & mikrocip serta *pet passport*, program adoption dan khidmat pelesenan anjing secara outreach. Semua aktiviti ini penting dan perlu kerap dilaksanakan bagi mendidik dan menerapkan rasa tanggungjawab pemilik terhadap haiwan peliharaan masing-masing. Sesi taklimat yang diadakan bertujuan untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai undang-undang dan penguatkuasaan berkaitan pemeliharaan haiwan kesayangan terus kepada masayarakat. Orang ramai juga berpeluang untuk mendapatkan pakej mikrocip bersama pet passport pada kadar yang rendah iaitu hanya RM 7.00 berbanding biasa RM 25.00 daripada pihak JPVPP. Bilangan yang disediakan adalah *unlimited*. Selain itu, pemilik juga boleh mendapatkan vaksin untuk anjing dan kucing peliharaan masing-masing juga daripada pihak JPVPP. Pameran juga disediakan oleh pihak MPSP, JPVPP dan

SPCA untuk dilawati oleh orang ramai. Terdapat pelbagai perkara menarik boleh dilihat di pameran berkenaan. Program ini turut menyediakan anak anjing dan kucing untuk diambil sebagai haiwan peliharaan secara percuma kepada sesiapa yang berhasrat membela haiwan kesayangan. Kucing dan anjing ini disediakan oleh pihak SPCA Seberang Perai. Namun harus diingatkan bahawa orang ramai yang telah mengambil haiwan berkenaan diwajibkan untuk mengambil lesen anjing daripada pihak MPSP. Bagi pemilik yang belum lagi mendapatkan lesen bagi anjing peliharaan masing-masing bolehlah mendapatkan lesen berkenaan di kaunter bergerak yang disediakan pada kadar RM 10.00 sahaja. Perlu diingatkan bahawa mana-mana pemilik yang diadapati bersalah memelihara anjing tanpa lesen akan dikenakan kompaun sebanyak RM 250.00 di bawah undang-undang kecil anjing MPSP sediada. Selain lesen anjing terdapat juga perkhidmatan lain yang disediakan iaitu bayaran cukai pintu, bayaran kompaun dan lain-lain. Perkhidmatan kaunter ini disediakan sebagai usaha MPSP untuk membantu orang awam yang tidak berkesempatan berbuat demikian semasa hari bekerja ke kaunter-kaunter cawangan MPSP.

Sekian, terima kasih